

Bilangan penjawat awam cukup

BH . 19/2/2017 ms. 24

→ Kakitangan sedia ada mampu laksana tugas dalam pelbagai kemahiran

Info

Penjawat awam

→ **Semua penjawat awam sedia ada atau yang baharu perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kecekapan**



Ali memukul gong simbolik perasmian Dewan Rafulin Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa di Bestari Jaya, semalam. Yang turut hadir Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof (dua dari kiri).

Kuala Lumpur

Kerajaan tidak akan menambah atau mengurangkan bilangan penjawat awam, malah mengambil pendekatan penugsan semula (redeployment) jika ada keperluan mewujudkan perjawatan baharu pada masa depan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata 1.6 juta penjawat awam kini sudah memadai kerana mereka dilatih untuk melakukan tugas membatikan pelbagai kemahiran (multitasking), termasuk menghapuskan jawatan yang

tidak lagi relevan.

Langkah diambil kerajaan

Beliau berkata, ia adalah langkah yang diambil kerajaan sejak 2012 untuk mengurangkan perbelanjaan pengurusan bagi sektor itu dan ia masih dilaksana hingga sekarang.

“Semua penjawat awam sedia ada atau yang baharu perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kecekapan.

“Kita tidak kurangkan perjawatan awam, mungkin ada beberapa jawatan dahulu hilang peranannya namun diganti dengan tugas baharu

mengikut keperluan semasa,” kata dia.

Mengulas lanjut, Ali berkata pihaknya turut menerima banyak permintaan untuk menambah perjawatan baharu dalam agensi kerajaan, termasuk sektor keselamatan, namun ia akan diteliti dan diperimbang kewajarannya terlebih dahulu.

Beliau berkata kerajaan melihat sama ada penggunaan konsep penugasan semula adalah lebih sesuai atau sebaliknya bagi mengelak wujud kembali perjawatan yang tidak perlu.

BERNAMA